

ROSBEELLA IMMUNITY BOOSTER

NURUL IZWANI BINTI OTHMAN	MUHAMMAD HARIEZ RIZQUEEN BIN MUHAMMAD OMAR
NORLAILA BINTI AHMAD	DHIYA HUMAIRA BINTI MOHD NOR HAFIDZ
HASLINA BINTI MOHAMAD ALI	NUR NAIEMAN NAJMA BINTI MOHAMAD ZAMRI

ABSTRAK

ROSBEELLA IMMUNITY BOOSTER ialah satu produk penggalak untuk meningkatkan imuniti badan yang dihasilkan daripada gabungan buah dan sayur iaitu ekstrak buah roselle, ekstrak pegaga, pudina dan madu kelulut. Roselle atau nama saintifiknya *Hibiscus sabdariffa* ialah tanaman yang terkenal dengan khasiatnya dalam dunia perubatan di Malaysia. Ekstrak roselle mengandungi vitamin C iaitu asid askorbik pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 260-280 miligram bagi setiap 100 gram roselle kering. Madu kelulut ialah madu yang terhasil daripada sejenis lebah yang tidak menyengat dikenali sebagai kelulut atau juga digelar *meliponini*. Madu kelulut lebih tinggi khasiatnya jika dibandingkan dengan madu lebah. Kandungan Vitamin C atau antioksidan yang tinggi dalam madu kelulut dan buah roselle dapat menghalang radikal bebas daripada merosakkan sel badan dan berfungsi meningkatkan daya tahan tubuh daripada penyakit berjangkit. Pegaga atau nama saintifiknya *Centella asiatica* merupakan sejenis tumbuhan renek yang kaya dengan pelbagai khasiat.

PENGENALAN

Mempunyai imuniti badan yang rendah menyebabkan seseorang itu mudah dijangkiti penyakit. Sayur-sayuran dan buah-buahan adalah makanan yang boleh meningkatkan sistem imuniti badan seseorang. Pasukan STEAM SK Kanchong Darat telah menghasilkan satu produk inovasi untuk meningkatkan imuniti badan menggunakan gabungan sayur dan buah. SK Kanchong Darat mempunyai tanaman pokok roselle dan pegaga serta menjalankan penternakan kelulut. Oleh itu produk ROSBEELLA IMMUNITY BOOSTER dapat dihasilkan dengan kos yang sangat rendah kerana bahan utama tidak perlu dibeli dan boleh didapati di kawasan sekolah. Penggunaan produk ini dapat menjadikan murid-murid SK Kanchong Darat mempunyai imuniti badan yang kuat. Dengan pengambilan produk ini secara berterusan oleh semua murid SK Kanchong Darat khasnya, akan dapat meningkatkan peratus kehadiran dan secara tidak langsung juga akan memberi kesan yang positif terhadap peningkatan akademik. Penghasilan produk ini juga dapat mengurangkan pembaziran bahan dan menerapkan nilai keusahawanan.


STATUS HALAL

Dihasilkan menggunakan bahan-bahan daripada tumbuhan, produk Rosbeella Immunity Booster semestinya patuh syariah. Tidak menggunakan bahan yang diragui, tiada sebarang perisa tambahan dan dijamin HALAL.

DESKRIPSI PRODUK

Produk ini dihasilkan tanpa bahan pengawet, pewarna dan gula tambahan. Dalam bentuk gula-gula gummy (jeli bergetah) menjadikan ia mudah untuk dimakan dan sesuai untuk semua peringkat umur sama ada dewasa atau kanak-kanak. Berbentuk bujur yang comel dan berwarna merah dapat menarik minat kanak-kanak untuk makan. Mempunyai rasa yang unik yang tidak terlalu masam dan tiada rasa pahit. Gummy ini dibungkus secara individu menggunakan kaedah pembungkusan vakum untuk memastikan ianya tahan lebih lama dan tidak melekat antara satu sama lain apabila berlaku perubahan suhu. Gummy yang telah dibungkus secara pembungkusan vakum dimasukkan ke dalam botol untuk mudah disimpan dan dibawa ke mana-mana. Setiap botol mengandungi 60 biji iaitu bersesuaian untuk penggunaan selama sebulan.

KAEDAH



"LEADING INNOVATION"

KEPENTINGAN & KEBAIKAN

Rosbeella Immunity Booster dapat meningkatkan ketahanan badan dan memperbaiki sistem imuniti badan. Pengambilan produk ini secara berterusan, khasnya oleh kanak-kanak yang mempunyai imuniti badan yang lemah akibat amalan pemakanan yang tidak seimbang, dapat membantu memperbaiki imuniti badan mereka supaya lebih baik. Kanak-kanak tidak suka makan sayur khasnya ulam-ulaman kerana rasanya yang tidak boleh diterima oleh mereka. Dengan adanya produk ini dapat memberi peluang kepada kanak-kanak mendapat khasiat dan vitamin dari ulam-ulaman iaitu pegaga dan pudina. Produk ini dapat mengubah persepsi kanak-kanak terhadap rasa sayur dan seterusnya menggalakkan mereka supaya suka makan sayur dan buah.

PEMBAHARUAN & KEUNIKAN

Berbeza dengan produk yang terdapat di pasaran sekarang, produk ini dihasilkan daripada gabungan buah dan sayur-sayuran. Unikny ia dihasilkan daripada ekstrak roselle dan pegaga ditambah dengan madu kelulut dan pudina. Gabungan kesemua bahan-bahan ini menjadikan produk ini kaya dengan vitamin C dan mengandungi antioksidan yang tinggi. Produk ini bukan sahaja menfokuskan kepada sistem imuniti badan tetapi juga boleh meningkatkan kecerdasan otak kerana ulam pegaga telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, (WHO) sebagai herba yang boleh menjana kecerdasan berfikir di kalangan kanak-kanak. Kandungan Omega 3 dan DHA yang terdapat dalam Roselle juga dapat membantu mencerdaskan otak kanak-kanak. Cara pembungkusan juga berbeza dengan produk yang terdapat dipasaran sekarang kerana ia akan dibungkus secara individu menggunakan kaedah vakum supaya tidak melekat antara satu sama lain kerana lembik apabila terdedah pada suhu tinggi.

POTENSI UNTUK DIKOMERSIAL

Rosbeella Immunity Booster boleh dikomersialkan kerana mempunyai permintaan pasaran yang tinggi. Masyarakat sekarang mempunyai kesedaran akan betapa pentingnya mempunyai sistem imun yang kuat untuk melindungi diri daripada penyakit terutama dalam keadaan berhadapan dengan pandemik Covid 19. Kesedaran ibu bapa dalam memastikan imuniti badan anak-anak sentiasa dalam keadaan baik, menyebabkan mereka sanggup membeli vitamin dan makanan tambahan bagi memastikan anak-anak sentiasa sihat dan sukar dijangkiti penyakit. Oleh sebab itu, produk seperti ini sememangnya diperlukan dan dicari oleh ibu bapa yang mementingkan kesihatan dan kecerdasan otak anak-anak.